

**Georgetown:** Kementerian Kesihatan menasarkankan membuka lima lagi pusat hemodialisis di beberapa klinik kesihatan di seluruh negara bagi menampung jumlah bilangan pesakit buah pinggang yang kian bertambah setiap tahun.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, sehingga kini KKM sudah mempunyai lapan klinik kesihatan yang menyediakan pusat hemodialisis, namun mencari lokasi lain yang dianggap sesuai mengikut keperluan semasa.

“Saya turut mengalu-alukan pembabitan pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) membantu mendermakan mesin hemodialisis kepada klinik kesihatan kerana apa yang kita ada di sektor awam tidak dapat menampung jumlah pesakit buah pinggang yang semakin meningkat.

“Ini sebahagian usaha kita menambah kemudahan sedia ada dan kita berharap ada NGO serta yayasan tertentu sudi membantu menyediakan perkhidmatan ini,” katanya selepas merasmikan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2015, di sini hari ini.

Hadir sama, Pengarah Kesihatan Negeri Dr Zailan Adnan, Ketua Perkhidmatan Nefrologi Datuk Dr Tan Chwee Choon dan Presiden



**DR S Subramaniam (kanan) melawat tapak pameran kesihatan selepas merasmikan sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia 2015.**

## Sasar buka lima lagi pusat hemodialisis

Yayasan Buah Pinggang Negara Datuk Dr Zaki Morad-Mohd Zaher.

Subramaniam berkata, pada 2005, seramai 12,181 pesakit buah pinggang menerima rawatan dialisis dan jumlah itu meningkat kepada 28,822 pesakit pada 2013 iaitu melebihi dua kali ganda dalam tempoh sembilan tahun.

Katanya penyakit kencing manis dan tekanan darah tinggi adalah punca utama menyebabkan kegagalan

“Ini sebahagian usaha kita menambah kemudahan sedia ada”

**Dr S Subramaniam**

buah pinggang.

Berikutan itu, beliau menasihati masyarakat terutamanya pesakit yang berisiko tinggi menjalani saringan

kesihatan secara berkala supaya penyakit berkenaan dapat dikesan sebelum berada pada peringkat lebih serius sehingga memerlukan rawatan dialisis.

“Sambutan Hari Buah Pinggang Sedunia adalah satu tanda dan usaha menggalakkan masyarakat mengamalkan cara hidup sihat dan memberi kesedaran kepada mereka untuk melakukan pemeriksaan awal,” katanya.